MBSJ
GEMILANG BERSAMA

# PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
# TARIKH: 16 JANUARI 2025 (KHAMIS)

## MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 1. | TV3MALAYSIA OFFICIAL (YOUTUBE) | • [CLIP] MHI (16 JAN 2025): CULAS BAYAR CAJ PENYELENGGARAAN |
| 2. | SINAR HARIAN | • KEMELUT SAMPAH HARAM DI TAMAN PERINDUSTRIAN PUCHONG UTAMA SELESAI |

## LAIN-LAIN PBT

| BIL | AKHBAR | PBT | TAJUK |
|---|---|---|---|
| 1. | THE STAR | MBDK<br><br><br><br><br>MPKj | • MBDK OFFICIAL DENIES GETTING RM3,500 FROM CONTRACTOR<br>• PARKING CHARGES IN INDUSTRIAL AREA IMPRACTICAL<br>• MBDK SHUTS DOWN ILLEGAL CAR SPRAY PAINTING WORKSHOP<br>• BANDAR BARU BANGI WET MARKET BEING UPGRADED |
| 2. | HARIAN METRO | MBDK | • DITUDUH RASUAH RM3,500 |
| 3. | UTUSAN MALAYSIA | MBDK | • PENGARAH IT TAK MENGAKU TERIMA RM3,500 |

## UMUM

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 1. | THE STAR | • S'GOR SEEKS OTHER SUKMA VENUES<br>• EASE IN FUEL REFORMS, SAY EXPERTS |
| 2. | SINAR HARIAN | • PLAK KHAS BANTU KENAL PASTI TASKA SAH<br>• 5 DITAHAN KES SELEWENG DANA PELABURAN RM104j<br>• RAKYAT MALAYSIA KONGSI MANFAAT ASEAN 2025 |
| 3. | BERITA HARIAN | • 4 LEMBAGA PENGARAH DITAHAN SELEWENG RM104j<br>• LEBIH 4,000 PENJAWAT AWAM JADI MANGSA SINDIKET TAWARAN PINJAMAN<br>• KEDUDUKAN UNIK MALAYSIA BANTU RANGKA EKONOMI MAMPAN<br>• WUJUDKAN PLATFORM KOMUNIKASI KETIKA BANJIR LANCARKAN KOORDINASI<br>• BAHASA MELAYU ALAT PERPADUAN, PEMIMPIN PERLU TUNJUK TELADAN<br>• EKONOMI NEGARA DIJANGKA STABIL, WASPADA BEBAN HUTANG<br>• KEMPEN CASHLESS BOLEH 4.0 CATAT 138.82 JUTA TRANSAKSI<br>• GAJI MENINGKAT, OPR STABIL RANGSANG SEKTOR HARTANAH<br>• PERMINTAAN RUMAH MAMPU MILIK MENINGKAT |
| 4. | UTUSAN MALAYSIA | • CUBA SOGOK POLIS RM100, BURUH INDONESIA DISIASAT<br>• ATASI MASALAH LETAK KERETA 'MERATA'<br>• LARANGAN ROKOK DI TEMPAT KERJA BOLEH TINGKAT PRODUKTIVITI |
| 5. | THE SUN | • MACC, FBI COLLABORATE TO FIGHT CORRUPTION |

# TV3MALAYSIA Official

@tv3malaysia · 5.62M subscribers · 51K videos

Sejak penubuhannya pada tahun 1984, Sistem Televisyen Malaysia Berhad atau lebih d ...more

tonton.com.my/viewAll?pageid=tv&railid=tv3_videos and 3 more links

Subscribe

Home | Videos | Shorts | Live | Podcasts | Playlists | Community

## [CLIP] MHI (16 Jan 2025): Culas Bayar Caj Penyelenggaraan | Tonton

TV3MALAYSIA Official
5.62M subscribers

Subscribe | 2 | Share | Download | Clip







**TV3MALAYSIA OFFICIAL (YOUTUBE)**

**TARIKH: 16 JANUARI 2025**

# Kemelut sampah haram di Taman Perindustrian Puchong Utama selesai

MOHD AZLIM ZAINURY Follow

15 Januari 2025 11:21am
Masa membaca: 1 minit




MBSJ dan KDEBWM membersihkan tapak pembuangan sampah haram di Taman Perindustrian Puchong Utama, Subang Jaya, pada Selasa. Gambar kiri: Laporan Sinar Harian berhubung isu berkenaan.

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) telah membersihkan tapak pembuangan sampah haram

di Taman Perindustrian Puchong Utama di sini, pada Selasa.

Operasi pembersihan dipantau Ahli Majlis MBSJ, Saidin Awang itu dilakukan susulan laporan pemilik bangunan mengenai kewujudan tapak pembuangan sampah haram seperti dilaporkan Sinar Harian pada Isnin.

Pemilik bangunan terbabit, Chin Chee Yuen berkata, kawasan yang terjejas terletak di Jalan Utama 1/9 bersebelahan bangunan miliknya kini bersih selepas operasi pembersihan itu dijalankan.

"Pihak pemilik dan penyewa bangunan di sini amat menghargai perhatian semua pihak terutamanya atas bantuan Saidin yang menghubungi semua pihak untuk datang menyelesaikan masalah ini.

"Saya juga amat berterima kasih kepada Sinar Harian kerana melaporkan aduan saya dan juga pihak KDEBM kerana menyelesaikan masalah ini dalam masa yang singkat," ujarnya.

Tinjauan turut mendapati tapak pembuangan sampah haram itu bersih sepenuhnya dan tiada lagi bau busuk sekali gus menghilangkan kebimbangan pengadu terhadap risiko merebaknya penyakit.

Pada Isnin, Chee Yuen menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) segera bertindak mengatasi masalah pembuangan sampah haram di kawasan berdekatan premis perniagaan mereka.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH: 16 JANUARI 2025

# MBDK official denies getting RM3,500 from contractor

Star 16/1 (MBDK)

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

**SHAH ALAM:** A Royal Klang City Council (MBDK) head of department has been charged with corruption.

Nor Hasyimah Tamziz, 50, who heads the council's Information Technology Department, was accused of committing the crime on May 9, 2019.

She claimed trial to the charge under Section 165 of the Penal Code, before Sessions Court judge Datuk Mohd Nasir Nordin, for allegedly receiving RM3,500 from a contractor in her capacity as department head.

The mother of four allegedly received the inducement at a bank branch in Klang through her personal account at the same bank.

If found guilty, Nor Hasyimah faces a jail term of up to two years, a fine, or both.

Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) DPP Muaz Ahmad Khairuddin asked for bail to be set at RM10,000.

He also sought for Nor Hasyimah to surrender her passport to the court and present herself at the Selangor MACC office at the beginning of each month.

Nor Hasyimah's counsel V. Ayasamy pleaded for the bail to be halved to RM5,000, citing that the accused had four children to support.

Mohd Nasir then set bail at RM8,000 with one surety, and imposed the additional conditions proposed by Muaz.

He then set May 5 for case mention.



**Day in court:** MACC officers escorting Nor Hasyimah at the Shah Alam Sessions Court. — KK SHAM/The Star

THE STAR
Tarikh: 16 JAN 2025

Star 16/1 (MBDK)

# 'Parking charges in industrial area impractical'

## Kepong factory owners, workers against DBKL's decision on fees

By BAVANI M
bavanim@thestar.com.my

OWNERS of factories operating along Jalan Metro Perdana 12 and Sri Edaran Industrial Park in Kepong are unhappy over a recent move by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to impose parking fees in the area.

After 30 years of free parking, they argue that the decision is unjustified, pointing out that they already pay a significant amount in assessment taxes to the local authority.

Furthermore, they say the road in front of their factories, often used by heavy machinery such as forklifts, is unsuitable for parking bays.

"Last week, I saw a DBKL contractor putting up a signboard to inform the public that parking charges would soon be implemented and that was how we found out about it," said S. Subramaniam, a contractor working nearby.

"No notice or explanation was given. This isn't right. We haven't been paying for parking here for decades," he added.

Another worker, KF Voon, who has worked in the area for many years, pointed out that industrial roads were frequently used by heavy machinery, which require unobstructed space to operate.

"Parking bays are simply unsuitable and would interfere with these activities, potentially causing a safety hazard," said Voon.

A business owner, Jeffrey Tan, stressed that roads in industrial zones were not designed for regular parking.

"Converting these areas into parking bays will reduce their functionality and make them less suitable for industrial activities.

"The machinery used here requires large spaces to manoeuvre, so this move is just not practical," he reiterated.

The business owners sought assistance from community activist Yee Poh Ping.

"The decision to implement parking fees in this industrial area is not only impractical but also an inefficient use of taxpayers' money," said Yee.

"DBKL will have to spend a significant amount on manpower to enforce the parking rules and redraw lines for the bays.

"Such efforts would be better utilised in commercial or residential areas, not in an industrial zone where business owners are already contributing substantially through taxes," he added.



Yee (in front, blue shirt) with factory workers in Kepong who are protesting against the parking charges that will be imposed in the area. — Photo: YAP CHEE HONG/The Star

When contacted, a DBKL spokesperson confirmed that they were implementing parking charges in the area.

"Since 2016, DBKL has the authority to collect fees for any parking bays it has marked out in accordance with Road Transport (Provision of Parking Places) Federal Territory of Kuala Lumpur Order 2016.

"It just wasn't enforced before and people took advantaged of that.

"But last October, we appointed four new parking operators to place banners and bunting throughout the city to inform business owners and residents about the upcoming charges.

"The operators will be going around scanning the vehicles to monitor defaulters, so motorists must comply with the law," the spokesperson said, adding that contractors would be sent to draw the lines on the road for the respective bays.

THE STAR
16 JAN 2025
Tarikh:

STAR 16/1 (MBDK)

# MBDK shuts down illegal car spray painting workshop

AN UNLICENSED car spray painting workshop in Jalan Sungai Pinang, Klang, was shut down by Klang Royal City Council (MBDK) following complaints from nearby residents about noxious fumes and loud machinery.

MBDK Corporate Communications Department director Norfiza Mahfiz said the illegal workshop, which had been operating for several months, was ordered to close.

"We issued a notice to the owner to cease operations as the workshop was operating illegally and causing disturbance to residents.

"We also ordered the workshop owner to remove machinery in and around the premises," she added.

Norfiza said the notice to cease operations was issued under the city council's Licensing, Trade, Business and Industry (MPK) By-Laws 2007.

"We will monitor the site to ensure no illegal businesses operate here," she said.

Meanwhile, Norfiza said seven premises running child care centres and old folks homes in Bandar Bukit Tinggi were found to be operating illegally.

"Our inspections last week found that one had not renewed its licence while the others were unlicensed.

"They were issued a compound of RM1,000 each under the Licensing, Trade, Business and Industry (MPK) By-Laws 2007," she said. – **By EDWARD RAJENDRA**



MBDK enforcement officers inspecting the workshop operating at Jalan Sungai Pinang in Klang.

THE STAR
Tarikh: 16 JAN 2025

By FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

Star 16/1 (MPKj)

# Bandar Baru Bangi wet market being upgraded

SHOPPERS at Bandar Baru Bangi wet market in Section 1, Bangi in Selangor, can expect better facilities once upgrading works are completed on Feb 13.

Kajang Municipal Council (MPKj) is overseeing the project, which has a budget of RM450mil allocated by Housing and Local Government Ministry.

Bangi MP Syahredzan Johan said he forwarded the local council's request for funds to Minister Nga Kor Ming last year.

Upgrading works began in November and included replacing the market's tiles and roof, along with electrical wiring and repainting the exterior.

During a site visit with MPKj representatives and Zone 17 councillor Farhan Haziq, Syahredzan noted that the market featured 26 trading lots selling vegetables, dry goods, and poultry.

The wet market has been operating since the early 1990s and opens daily, except on Monday, from 6am to 1pm.

It also houses a food court.

Vegetable seller Fuziah Kamaruzzaman, who has been operating there for nearly three decades, was thankful for the upgrade.

"We were temporarily relocated to another part of the market.

"We were told we could return to our original stall in a few days," she said.

Chicken seller Rizal Fahrudin hopes the food court can be upgraded too, noting that the premises is outdated.

Syaredzan said the project at the market was part of larger efforts to upgrade and beautify public amenities in Bangi.

He said Nga had, in July 2023, announced a RM790,000 allocation to undertake various upgrade and maintenance works at Cempaka Lake Park.

Nga, in a press conference during his park visit, said the project would be undertaken by MPKj.

Additionally, Syahredzan has announced that Selangor government would distribute vouchers to low-income households in conjunction with the upcoming Chinese New Year celebration.

Interested individuals should contact their respective assemblymen to obtain the vouchers.

Last December, state human resources and poverty eradication committee chairman V. Papparaidu announced that 23,800 *Jom Shopping* vouchers worth RM200 each would be distributed for the celebration.



Syahredzan (fifth from left) showing the newly installed roof at the market. — SHAARI CHEMAT/The Star

THE STAR

Tarikh: 16 JAN 2025

# S'gor seeks other Sukma venues

## Inspiration gleaned from innovative approach at Paris Olympics

SEPANG International Circuit (SIC) and Merdeka Stadium are among primary venues being considered for the opening ceremony of Malaysia Games (Sukma) 2026 in Selangor should construction of Shah Alam Sports Complex (KSSA) be delayed.

Selangor youth, sports and entrepreneurship committee chairman Mohd Najwan Halimi said the state was exploring alternatives and taking inspiration from the innovative approach of the Paris Olympics opening ceremony, Bernama reported.

"We are not constrained by conventional methods. Selangor's sports infrastructure is already extensive and well equipped.

"In the recent Olympics, France utilised a river setting with athletes on boats.

"Selangor has many alternative venues and we will announce the selected location along with the concept and execution plans later.

"Our goal is to align the organisation of Sukma 2026 with Selangor's unique context and identity," Mohd Najwan said at the Selangor Madani Youth Tour Carnival Series 3 at Pantai Remis in Jeram, Kuala Selangor.



The refurbished Merdeka Stadium in Kuala Lumpur could be roped in for the opening ceremony of Sukma 2026. — Filepic

THE STAR

Tarikh: 16 JAN 2025

Star 16/1

# Ease in fuel reforms, say experts

## Concerns grow over cost of living as RON95 subsidy may face cuts

By ARFA YUNUS
arfayunus@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The planned rationalisation of the RON95 fuel subsidy this June has raised concerns about its potential domino effect on inflation and the cost of living.

With that in mind, consumer advocates and economists urged the government to learn from past experiences and opt for gradual and targeted reforms.

Fomca CEO Saravanan Thambirajah highlighted the significant challenges subsidy rationalisation posed, particularly to the B40 and M40 income groups.

"For the B40 group, any rise in fuel prices could force difficult sacrifices, such as cutting back on food or education expenses.

"Similarly, the M40 group, while more financially stable, might see reduced disposable income, which could dampen consumer spending and slow economic activity," he said when contacted yesterday.

Saravanan pointed out examples, such as the partial removal of fuel subsidies in 2014, which led to a noticeable increase in food prices and widespread dissatisfaction particularly in urban zones like the Klang Valley.

He warned that the ripple effect of rising transportation costs would increase the prices of goods and services across the board, disproportionately affecting small businesses and low-income households.

As such, he suggested targeted measures to support vulnerable groups, such as direct cash assistance for the B40 and M40 groups, as seen in the Bantuan Sara Hidup (BSH) programme.

He also called for investments in public transport infrastructure, which could reduce reliance on private vehicles and provide a sustainable alternative.

Prof Emeritus Barjoyai Bardai said the successful rationalisation of diesel subsidies last year offered valuable lessons for the RON95 reform.

However, he cautioned that the scale of the petrol subsidy issue presented unique challenges.

"Unlike diesel, which is used by less than 20% of vehicle owners, petrol is used by over 20 million vehicles in Malaysia.

"The widespread use makes the impact far more significant, and the system may not be equipped to efficiently handle such a large-scale shift," he said.

Barjoyai identified smuggling and cross-border misuse as major sources of subsidy abuse, and called for stricter enforcement and compliance efforts to curb this before targeting general public subsidies.

He called for a phased approach to subsidy rationalisation with incremental price adjustments to minimise shock, and a gradual removal by increasing petrol prices between 20sen and 30sen annually.

"The impact of subsidy removal on inflation and cost of living is inevitable, but a balanced approach that addresses abuse and provides support to those in need can mitigate these effects," he said, adding that the rationalisation of the RON95 subsidy presented a "delicate balancing act."

Although the decision has not yet been finalised, the issue is worrying many, particularly those within the B40 (lower income) and M40 (middle income) groups.

Universiti Malaya Faculty of Business and Economics senior lecturer Dr Safiah Omar questioned if 2025 was the right time to start the RON95 subsidy rationalisation.

"The rakyat faced many tough challenges in 2024, including the diesel subsidy being rationalised, the prices of certain commodities being floated, and tariff increases for electricity use, among others," she added in a letter to *The Star*.

Saying the decision to rationalise the diesel subsidy was necessary because subsidies could not be supported indefinitely and also because of the smuggling issues with neighbouring countries, with Malaysia losing RM10bil annually.

"However, the situation for RON95 petrol is different. The demand for this type of petrol is not as high as that for RON97, RON100, and diesel.

"This is because RON95 is best suited to small vehicles and its use for industrial purposes is very small. There isn't a very big black market demand for it either," she added.




**Ripple effect:** Experts warn that rising transportation costs would increase the prices of goods and services across the board. — YAP CHEE HONG/The Star

**New fuel prices**
*Jan 16 – Jan 22*

| | | |
|---|---|---|
| RON95 | RM2.05 | (unchanged) |
| RON97 | RM3.38 | (+5 sen) |
| DIESEL | RM3.08 | (+5 sen) |

THE STAR
16 JAN 2025
Tarikh:.............................

# Plak khas bantu kenal pasti taska sah

## Cadangan itu mudahkan ibu bapa pilih taska berdaftar dan berlesen

Oleh NORAFIZA JAAFAR
KUALA LANGAT

Kerajaan negeri akan mencadangkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mewajibkan setiap taska mempamerkan sijil berdaftar di premis mereka.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari berkata, pengenalan plak khas itu bertujuan memudahkan ibu bapa mengenal pasti taska yang sah dan berdaftar.

Menurutnya, cadangan itu diusulkan bagi mengelak tragedi bayi berusia empat bulan meninggal dunia di taska tidak berdaftar pada 3 Januari lalu, tidak berulang.

"Kesedaran mengenai kewujudan taska tidak berdaftar ini perlu dipertingkatkan selain memohon orang ramai melaporkan kewujudan taska sebegini, jika ada.

"Kami turut mencadangkan pengusaha taska menjalani latihan keselamatan termasuk menyediakan kit Defibrilator Luaran Automatik (AED) untuk kecemasan," katanya menerusi satu kenyataan pada Rabu.

Terdahulu, pada Jumaat, Anfaal menziarahi keluarga bayi berkenaan bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Subang Jaya, Michelle Ng dan pegawai JKM.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan, kematian bayi lelaki berusia empat bulan dilaporkan seorang doktor pada jam 3.29 petang, 3 Januari lalu.



**Anfaal (tiga dari kiri) menziarahi keluarga yang baharu kehilangan bayi berusia empat bulan yang meninggal dunia di sebuah taska tidak berdaftar dalam kejadian 3 Januari lalu.**

Bayi itu dibawa ke klinik oleh pengasuh dalam keadaan pucat dan kebiruan pada bibir dan kaki.

Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Menurut Anfaal, di peringkat kerajaan negeri, pihaknya menubuhkan Jawatankuasa Khas Penambahbaikan Perkhidmatan Penjagaan (JKPPP).

"Jawatan kuasa ini untuk menyelaras pendaftaran taska dan mempercepat proses tersebut.

"Saya harap dengan langkah yang akan diambil ini, kita dapat memastikan keselamatan dan kesejahteraan anak-anak kita yang berada di taska pada masa hadapan," katanya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 16 JAN 2025

# 5 ditahan kes seleweng dana pelaburan RM104j

## Empat ahli lembaga pengarah syarikat antara ditahan SPRM bagi bantu siasatan

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
SHAH ALAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman lima individu disyaki terbabit dalam satu penipuan melibatkan dana pelaburan orang awam.

*Mahkamah & Jenayah*

Sumber berkata, perintah reman selama tujuh hari sehingga Selasa telah dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin, selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Rabu.

Menurut sumber, kelima-lima suspek termasuk empat ahli lembaga pengarah syarikat yang berusia lingkungan 50 sehingga 60-an telah ditahan sekitar jam 7 petang, Selasa ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM, Putrajaya.

"SPRM telah menerima beberapa aduan dan maklumat berkaitan kegiatan berunsur jenayah yang dilakukan oleh sebuah syarikat pemegang amanah berlesen di bawah Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Syarikat tersebut didapati menggunakan dana yang dikumpul daripada pelabur untuk kepentingan peribadi dan bersama individu yang bersekongkol dalam kegiatan jenayah ini," katanya.

Sumber berkata, dana sebanyak RM104 juta telah dikesan diselewengkan daripada syarikat itu ke beberapa syarikat persendirian yang dimiliki oleh proksi.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan tangkapan tersebut yang dibuat dalam Op Trust.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Jelasnya, modus operandi yang dijalankan dalam kegiatan tersebut memerlukan kepakaran yang tinggi bagi pegawai SPRM untuk menjejak aliran kewangan.

"Siasatan ini bertujuan membantu kerajaan mengukuhkan kepercayaan awam terhadap badan pengawal selia yang mengeluarkan lesen untuk syarikat-syarikat pemegang amanah," ujarnya.



Lima individu ditahan reman pada Rabu kerana disyaki terbabit dalam satu penipuan melibatkan dana pelaburan orang awam berjumlah RM104 juta.

SH 16/1

SINAR HARIAN
Tarikh: 16 JAN 2025

# Rakyat Malaysia kongsi manfaat ASEAN 2025

SH 16/1




Selaku Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia melakukan perancangan komprehensif dengan 357 mesyuarat ASEAN di seluruh negara sepanjang tahun ini, termasuk 14 mesyuarat di peringkat tertinggi melibatkan ketua negara dan kerajaan bagi memastikan kejayaan tahun bersejarah.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Amran Mohamed Zin berkata, pelbagai aspek penting mengenai Kepengerusian ASEAN diambil kira, termasuk usaha Malaysia untuk menonjolkan keunikan budaya tempatan dan pelbagai program untuk pelbagai lapisan masyarakat bagi memastikan golongan tersebut turut mendapat manfaat daripadanya.

Sesi Pemukiman Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM) di Langkawi, Kedah yang bermula Sabtu ini pula akan membuka tirai Kepengerusian ASEAN 2025 melibatkan lebih 200 delegasi asing akan memberi peluang mereka merasai *true Malaysian hospitality* dengan pengenalan makanan tradisional seperti kerabu bronok dan latok.

Banyak lagi yang dikongsikan, termasuk persediaan Malaysia dalam membangunkan Wawasan Komuniti ASEAN 2045 dan penggunaan kenderaan elektrik pertama negara, Proton eMAS 7 dalam wawancara bersama *Sinar Harian* di Wisma Putra baru-baru ini.

SINAR HARIAN
Tarikh: 16 JAN 2025



NOR Hasyimah dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam.

# Dituduh rasuah RM3,500

HM 16/1 (MBDK)

**Shah Alam:** Seorang pengarah pihak berkuasa tempatan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas pertuduhan menerima wang berjumlah RM3,500 daripada seorang kontraktor infrastruktur pada 2019.

Tertuduh, Nor Hasyimah Tamziz, 50, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Berdasarkan pertuduhan, Nor Hasyimah sebagai seorang penjawat awam telah menerima untuk dirinya suatu benda berharga wang berjumlah RM3,500 daripada seorang lelaki berusia 54 tahun ke dalam akaun bank miliknya tanpa balasan diketahui ada kaitan dengan tugasan rasminya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah cawangan bank di Jalan Kapar, Klang pada 9 Mei 2019.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan jika sabit kesalahan, boleh dipenjara sehingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-keduanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Muaz Ahmad Khairuddin mengesyorkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin warganegara serta syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM berdekatan.

Peguam tertuduh, V Ayasamy kemudian memohon mahkamah mengenakan jaminan dikurangkan atas alasan tertuduh mempunyai empat anak termasuk seorang yang sedang belajar di luar negara.

HARIAN METRO
Tarikh: 16 JAN 2025

# 4 lembaga pengarah ditahan seleweng RM104j

BH 16/1

**Kuala Lumpur:** Empat ahli lembaga pengarah syarikat antara lima yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menyeleweng dana pelaburan awam dianggarkan bernilai RM104 juta.

Menurut sumber, kelima-lima suspek termasuk seorang wanita berusia lingkungan 50-an hingga 60-an ditahan petang, kelmarin ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM Putrajaya.

"SPRM menerima beberapa aduan dan maklumat berkaitan kegiatan berunsur jenayah yang dilakukan oleh sebuah syarikat pemegang amanah berlesen di bawah Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Syarikat itu didapati menggunakan dana yang dikumpul daripada pelabur untuk kepentingan peribadi individu yang bersekongkol dalam kegiatan jenayah ini," katanya.

Sumber berkata, kira-kira RM104 juta dikesan diseleweng daripada syarikat terbabit ke beberapa syarikat persendirian yang dimiliki oleh proksi.

## Lima suspek direman

Susulan penahanan itu, kelima-lima suspek direman tujuh hari bermula semalam sehingga Selasa ini dengan perintah reman dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan ke atas kelima-lima suspek dibuat dalam satu operasi digelar Op Trust.

"Modus operandi kegiatan itu memerlukan kepakaran yang tinggi dalam kalangan pegawai SPRM untuk menjejak aliran kewangan.

"Selain itu, siasatan ini juga adalah bertujuan untuk membantu kerajaan mengukuhkan kepercayaan awam terhadap badan pengawal selia yang mengeluarkan lesen untuk syarikat pemegang amanah, selain mewujudkan platform yang bersih dan selamat untuk bakal pelabur," katanya.

Azam berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



*Antara lima suspek dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.* (Foto ihsan SPRM)

BERITA HARIAN
Tarikh.......16 JAN 2025......

# Lebih 4,000 penjawat awam jadi mangsa sindiket tawaran pinjaman

BH 16/1

**Kegiatan dipercayai berselindung di sebalik agensi kewangan bantu urus kewangan**

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my


12 individu termasuk pengarah syarikat perunding kewangan disyaki terbabit rasuah dan pengubahan wang haram ditahan SPRM menerusi Ops Sky kelmarin. (Foto ihsan SPRM)

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan lebih 4,000 penjawat awam terpedaya dengan sindiket tawaran pinjaman didalangi pegawai bank di beberapa institusi kewangan negara.

Siasatan menunjukkan selepas pinjaman diluluskan, peminjam akan membayar balik wang pendahuluan daripada sindiket, manakala baki pinjaman dilaburkan dalam skim pelaburan.

Difahamkan, ramai menjadi mangsa dan terpedaya dengan kegiatan itu selepas sindiket dikatakan masuk ke kementerian dan jabatan awam di seluruh negara dengan berselindung di sebalik agensi kewangan yang membantu menguruskan kewangan.

*BH* difahamkan, sindiket menjayakan jelajah ke jabatan kerajaan dan mempamerkan diri sebagai agensi bantuan kewangan yang boleh membantu penjawat awam yang mempunyai pinjaman atau hutang lapuk.

Mereka juga dikatakan menjadikan media sosial sebagai medan utama untuk menarik ramai mangsa yang akan terpedaya dengan janji sindiket yang mendakwa mampu menyelesaikan masalah kewangan mereka.

"Sindiket menjadikan platform media sosial sebagai medan untuk memburu mangsa dengan menawarkan khidmat bantuan perunding kewangan, malah akan mengadakan jelajah di jabatan serta kementerian awam untuk menarik penjawat awam.

"Setakat ini, pihak berkuasa mengesan ribuan mangsa adalah penjawat awam," kata sumber kepada *BH*, di sini semalam.

Kelmarin, SPRM menumpaskan sindiket menjalankan kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram bagi membolehkan penjawat awam yang mempunyai hutang lapuk mendapatkan pinjaman peribadi di institusi perbankan tempatan.

Menerusi serbuan di 24 lokasi melalui Ops Sky yang dijalankan di rumah kediaman dan pejabat sekitar Lembah Klang, seramai 12 individu ditahan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM).

## Terima rasuah

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki, dilaporkan berkata berdasarkan siasatan awal, SPRM percaya terdapat pegawai di beberapa institusi perbankan yang menerima rasuah daripada pegawai syarikat perunding kewangan sebagai balasan membantu memproses dan meluluskan pinjaman peribadi pelanggan yang dikenal pasti mempunyai hutang lapuk.

Mereka ditahan termasuk dua pengarah syarikat perunding kewangan, selain pengarah yayasan, pengurus dan bekas pengurus jualan institusi perbankan.

Menerusi Ops Sky itu, SPRM membekukan 70 akaun syarikat dan individu membabitkan nilai lebih RM16.2 juta, selain menyita sembilan kenderaan pelbagai jenama, wang tunai, jam tangan mewah, beg tangan berjenama serta barangan kemas.



Pegawai bank dikatakan akan mengenal pasti penjawat awam yang mempunyai hutang lapuk, seterusnya diperkenalkan kepada syarikat perunding kewangan yang akan menawarkan bantuan skim *multiple loan*.

Syarikat perunding kewangan ini dipercayai membantu menyediakan dokumen mengandungi maklumat palsu yang dihantar ke beberapa institusi kewangan untuk mendapatkan pinjaman.

Hasil siasatan menunjukkan syarikat perunding mendahulukan wang kepada peminjam untuk melangsaikan hutang itu dan selepas pinjaman diluluskan, peminjam akan membayar balik pendahuluan itu, manakala baki pinjaman dilaburkan dalam satu skim pelaburan.

BERITA HARIAN
16 JAN 2025
Tarikh........................

# Kedudukan unik Malaysia bantu rangka ekonomi mampan

BH 16/1

**Abu Dhabi:** Kedudukan unik Malaysia membantu negara merangka dasar ekonomi yang komprehensif dan mampan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Malaysia beruntung kerana stabil dari segi politik walaupun mempunyai rakyat yang berbilang budaya, agama dan bangsa serta mungkin menjadi satu daripada negara paling aman di rantau ini dan antara ekonomi yang berkembang pesat di dunia.

"Ketika Malaysia memegang jawatan Pengerusi ASEAN tahun ini, negara kita bekerjasama rapat dengan negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC), termasuk Emiriah Arab Bersatu (UAE)," kata beliau pada Sesi Pleno Minggu Kelestarian Abu Dhabi (ADSW) 2025, di sini.

Ketika ditanya moderator, Pengerusi Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN), Razan Al Mubarak mengenai peluang dan cabaran Malaysia dalam strategi biodiversiti, Anwar berkata, cabaran utama ialah pelaksanaan dan kejelasan dasar.

"Walaupun kami bukan baharu, usaha besar seperti ini ialah sesuatu yang baharu. Kekuatan Malaysia sekarang, sebagai contoh, adalah sebagai hab semikonduktor. Namun, kami sedar ia tidak mencukupi, ekosistem perlu betul dari segi biodiversiti dan kelestarian. Jadi, kami melakukan usaha dalam latihan, kemudahan, pelaburan baharu, syarat yang dikenakan dan program khusus baharu.

"Kebertanggungjawaban dalam tadbir urus bukan hanya melakukan dasar segera yang anda fikirkan betul, tetapi juga kelestarian, untuk menangani penggondolan hutan, bukit dan gunung. Ia keperluan moral yang harus kita kejar dengan penuh semangat dan tekad," kata beliau.

Terdahulu, Anwar menghadiri upacara pembukaan ADSW 2025 yang disempurnakan Presiden UAE dan Pemerintah Abu Dhabi, Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan di ADNEC Centre, di sini.

Beliau turut menghadiri sesi dialog Youth 4 Sustainability (Y4S), iaitu sebahagian daripada program ADSW 2025.

BERNAMA

BERITA HARIAN 16 JAN 2025
Tarikh.............................

# Wujudkan platform komunikasi ketika banjir lancarkan koordinasi



Pensyarah Kanan Jabatan Teknologi dan Pengajian Rantaian Bekalan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my

BH 16/1

**Pengurusan** logistik cekap menjadi komponen kritikal dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan komuniti terjejas dengan bencana banjir, sekali gus ditentukan sejauh mana proses pemindahan mangsa dan pengagihan bantuan.

Dalam situasi bencana, masa menjadi faktor paling kritikal. Tindakan logistik pantas boleh menjadi penentu antara hidup dan mati. Air boleh naik dengan cepat, memutuskan akses ke kawasan terjejas dalam masa beberapa jam sahaja.

Kelewatan dalam pemindahan atau penghantaran bantuan menyebabkan mangsa boleh terperangkap, terdedah kepada bahaya dan tanpa keperluan asas. Justeru, pemindahan segera memastikan penduduk di kawasan berisiko tinggi dipindahkan ke tempat selamat sebelum air banjir meningkat ke paras berbahaya.

Tindakan segera memberi keyakinan kepada mangsa bahawa bantuan sedang diusahakan, mengurangkan panik dan tekanan psikologi. Ini memerlukan rancangan pemindahan cekap untuk memindahkan mangsa dari kawasan terjejas ke lokasi lebih selamat seperti pusat pemindahan sementara (PPS).

Terdapat pelbagai cabaran dikenal pasti setiap kali berlaku musibah banjir, dari aspek pemindahan mangsa termasuk bilangan aset jentera tidak mencukupi, perancangan lemah dan masalah komunikasi.

Kekurangan kenderaan pengangkutan seperti bot, trak atau bas boleh melambatkan proses pemindahan, terutama di luar bandar atau lokasi terpencil. Tanpa laluan pemindahan dan rancangan kontingensi ditetapkan lebih awal juga, pasukan penyelamat mungkin menghadapi kekeliruan atau kesesakan semasa kecemasan.

Isu salah atau kurang komunikasi di antara pihak berkuasa dan komuniti terjejas juga boleh menyebabkan penduduk tidak sedar akan arahan pemindahan atau gagal sampai ke tempat selamat pada waktunya.

Selepas mangsa dipindahkan dengan selamat, cabaran logistik seterusnya adalah memastikan penghantaran bantuan seperti makanan, air, pakaian dan perubatan dilakukan dengan cepat dan cekap.

Kelewatan atau salah urus dalam aspek ini boleh mendatangkan akibat buruk, menyebabkan mangsa kekurangan keperluan asas dan meningkatkan penderitaan mereka.

Ketika gelombang pertama banjir pada tahun lalu, kita lihat masih wujud usaha bertindih atau kekurangan koordinasi antara pihak yang ingin menghulur bantuan, menyebabkan beberapa kawasan menerima bantuan berlebihan, manakala kawasan lain diabaikan.

Mangsa yang kecewa akibat kelewatan atau pengagihan bantuan yang dianggap tidak adil, mungkin hilang kepercayaan kepada pihak berkuasa, membawa kepada protes atau pertelingkahan.

## Tingkatkan sistem amaran awal

Dalam pada itu, masalah kekurangan fasiliti penyimpanan dan pengangkutan turut memburukkan keadaan. Kemudahan penyimpanan tidak teratur dan akses terhad ke kawasan banjir boleh menyebabkan kelewatan atau kerosakan barang mudah rosak seperti makanan dan ubat-ubatan.

Dalam sesetengah kes, ini mendorong situasi barang bantuan tidak dapat disimpan atau diedarkan dengan betul, menyebabkan pembaziran.

Bagi memastikan tindak balas lebih cekap pada masa hadapan, pemegang taruh mesti melabur dalam meningkatkan pengurusan logistik merangkumi semua fasa tindak balas bencana, termasuk meningkatkan sistem amaran awal kepada penduduk kawasan risiko tinggi. Teknologi imej satelit dan ramalan banjir berasaskan kecerdasan buatan (AI) boleh memberikan amaran awal agar dapat memberi masa kepada pihak berkuasa bersedia awal.

Agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) disaran menubuhkan gudang pusat di lokasi strategik untuk menyimpan bekalan dan memastikan pengagihan cekap ke kawasan terjejas. Kemudahan penyimpanan desentralisasi di kawasan berisiko tinggi perlu diwujudkan bagi memastikan bantuan boleh dihantar lebih pantas dan mengurangkan kebergantungan kepada rantaian bekalan jauh.

Platform komunikasi bersepadu menghubungkan semua pemegang taruh perlu dikenal pasti atau diwujudkan demi mengelakkan pertindihan usaha serta memastikan koordinasi lebih baik.

Pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) digalakkan terbabit dalam usaha menambah baik laluan pemindahan, membina pusat perlindungan lebih tahan lasak dan memperoleh kenderaan pengangkutan khas seperti bot amfibia yang dapat meningkatkan kecekapan logistik.

Pemimpin tempatan dan kumpulan komuniti melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung/Komuniti boleh mendidik komuniti tempatan mengenai prosedur pemindahan dan membabitkan mereka dalam perancangan kesiapsiagaan bencana agar dapat memupuk daya tahan, kerjasama dan kepekaan.

Realitinya, bencana banjir tidak dapat dielakkan, tetapi kesannya boleh dikurangkan dengan pengurusan logistik cekap dan pantas. Pemindahan mangsa tepat pada masanya serta pengagihan bantuan adil mesti harus menjadi teras setiap rancangan tindak balas banjir.

BERITA HARIAN
Tarikh 16 JAN 2025

# Bahasa Melayu alat perpaduan, pemimpin perlu tunjuk teladan

BH 16/1

Muhammad Haqimie Aiman Rosli,
Institut Masa Depan Malaysia (MASA)

**Bahasa** memainkan peranan penting dalam menyatukan masyarakat berbilang kaum.

Di Malaysia, bahasa Melayu diangkat sebagai Bahasa Kebangsaan melalui Perkara 152 Perlembagaan, mencerminkan peranannya membina identiti nasional dan memperkukuhkan hubungan antara rakyat berbeza etnik.

Dalam menghadapi cabaran polarisasi kaum, penggunaan bahasa Melayu meluas boleh menjadi benteng menyatukan masyarakat.

Sistem pendidikan negara jelas mengiktiraf bahasa Melayu sebagai medium pengajaran di sekolah kebangsaan, sekali gus pelajar pelbagai kaum belajar bersama menggunakan satu bahasa yang sama.

Interaksi ini meningkatkan kefahaman budaya antara kaum serta memupuk semangat kebersamaan.

Melalui bahasa Melayu, rakyat dapat berkongsi pengalaman dan pandangan, sekali gus membina hubungan lebih kukuh. Pemahaman bahasa Melayu lemah dalam kalangan kaum tertentu mencipta jurang antara kaum.

Selain dalam sistem pendidikan, penggunaan bahasa Melayu secara rasmi dalam sektor awam dan swasta juga menggalakkan hubungan harmoni. Dengan menggunakan bahasa yang sama, halangan komunikasi dapat dikurangkan dan perbezaan budaya tidak lagi menjadi isu besar.

Sebagai contoh, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020 menyarankan penjawat awam mempunyai pemahaman baik bahasa Melayu dan menggunakannya dalam urusan rasmi kerajaan.

### Jambatan penghubung antara kaum

Polarisasi kaum berlaku apabila terdapat perbezaan dalam cara hidup, kepercayaan dan bahasa. Apabila menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama, jurang antara kaum dapat dikurangkan.

Kempen dan program mempromosi penggunaan bahasa Melayu seperti pertandingan dianjurkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dapat memperhebatkan lagi rasa cinta terhadap bahasa ini, terutama dalam kalangan generasi muda.

Sayembara Penulisan Kreatif DBP misalnya, mampu mempromosi pemahaman bahasa Melayu menerusi penulisan.

Platform media sosial juga patut dimanfaatkan untuk mempromosi bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan. Kandungan digital menyebarkan kesedaran kepentingan bahasa Melayu dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap peranan bahasa ini dalam menyatukan rakyat.

Namun, cabaran masih wujud apabila sesetengah pihak, termasuk ahli politik lebih gemar menggunakan bahasa asing atau bahasa ibunda mereka, terutama dalam majlis rasmi. Sikap ini memberikan contoh tidak baik kepada generasi muda.

Pemimpin negara dan institusi pendidikan memainkan peranan penting memastikan bahasa Melayu menjadi alat perpaduan. Dasar menyokong penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi perlu dilaksanakan secara konsisten.

Selain itu, guru dan pendidik perlu diberi latihan sesuai untuk mengajar subjek Bahasa Melayu dengan berkesan. Menerusi sokongan berterusan masyarakat, bahasa Melayu dapat terus memainkan peranannya sebagai alat perpaduan, membina Malaysia harmoni dan bersatu.

Secara keseluruhan, bahasa Melayu adalah aset yang penting untuk mengatasi polarisasi kaum di Malaysia. Sebagai bahasa kebangsaan, ia bukan sahaja alat komunikasi, tetapi juga simbol perpaduan menghubungkan rakyat pelbagai latar belakang.

BERITA HARIAN
Tarikh 16 JAN 2025

# Ekonomi negara dijangka stabil, waspada beban hutang

**Moody's Ratings**, dalam laporan terbaharunya menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal stabil pada kadar 5.0 peratus pada tahun ini.

Kestabilan ini didorong oleh perkembangan positif dalam pasaran pekerjaan, terutama projek-projek pelaburan yang dijangka menjana peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan isi rumah.

Walaupun unjuran pertumbuhan ekonomi tampak memberangsangkan, laporan 'Asia Pacific 2025 Outlook - Stable on flattening growth and inflation, despite political, social risks' menyarankan agar Malaysia berwaspada terhadap beberapa cabaran yang boleh menjejaskan prestasi ekonomi negara.

Salah satu cabaran utama ialah beban hutang kerajaan yang masih tinggi.

Meskipun usaha penyatuan fiskal telah dijalankan, hutang Kerajaan Malaysia kekal tinggi berbanding negara serantau.

Keadaan ini boleh mengehadkan keupayaan kerajaan untuk melaksanakan dasar fiskal yang proaktif bagi merangsang pertumbuhan ekonomi atau menangani kejutan ekonomi yang tidak dijangka.

Selain itu, perubahan dalam landskap politik dan perdagangan global, terutama dasar perdagangan Amerika Syarikat (AS) yang semakin menjuruskan kepada perlindungan dagangan, turut membayangi prospek ekonomi Malaysia.

Cadangan mengenakan tarif import yang tinggi oleh AS boleh menjejaskan prestasi sektor eksport negara yang berorientasikan pasaran antarabangsa.

Di samping itu, Moody's Ratings turut menyentuh mengenai asas pendapatan kerajaan yang sempit, boleh menyukarkan usaha memperbaiki kedudukan fiskal dan meningkatkan pelaburan dalam sektor-sektor strategik seperti infrastruktur, kesihatan serta pendidikan.

Bagaimanapun, laporan itu turut menunjukkan beberapa faktor positif yang boleh menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Inflasi dijangka kekal rendah, memberi ruang kepada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menurunkan kadar faedah bagi merangsang pertumbuhan ekonomi.

Permintaan domestik yang kukuh juga dijangka terus menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi.

Secara keseluruhannya, Moody's Ratings berkata ekonomi Malaysia dijangka stabil pada masa ini, namun, kerajaan perlu bersiap siaga untuk menangani cabaran yang ada dan mengambil langkah proaktif untuk memperkukuhkan daya tahan ekonomi negara.

Ini antaranya mempelbagaikan ekonomi, meningkatkan hasil kerajaan melalui reformasi cukai dan mengawal hutang bagi memastikan kestabilan ekonomi serta meningkatkan daya saing Malaysia dalam arena global semakin mencabar.

BERITA HARIAN
Tarikh......16 JAN 2025.....




*Hui Ying dan Mohd Izzaddin bersama penerima hadiah pada Majlis Penutupan Kempen Cashless Boleh 4.0 dan Peluncuran Kempen Cashless Boleh 5.0 di Putrajaya, semalam.* (Foto BERNAMA)

# Kempen Cashless Boleh 4.0 catat 138.82 juta transaksi

BH 16/1

## Penyertaan lebih 80 agensi kerajaan pada siri kelima kukuh ekosistem pembayaran tanpa tunai negara

**Oleh Hazwan Faisal Mohamad**
hazwanfaisal@bh.com.my

**Kempen** Pembayaran Tanpa Tunai dan Cek Peringkat Nasional Siri Ke-4 atau Cashless Boleh 4.0 merekodkan 138.82 juta transaksi meliputi 86 peratus bagi semua 20 agensi kerajaan yang terbabit sepanjang setahun dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying, berkata jumlah penyertaan agensi kerajaan bagi kempen Cashless Boleh 5.0, kini bertambah kepada lebih 80 agensi pada tahun ini, satu langkah penting bagi memperkukuhkan ekosistem pembayaran tanpa tunai negara.

Beliau berkata, kempen itu adalah kesinambungan program kerjasama antara Kementerian Kewangan dengan syarikat Payment Networks Sdn Bhd atau PayNet yang diadakan sejak 2019.

"Kempen Cashless Boleh yang pertama dan kedua membabitkan penyertaan orang awam bagi menggalakkan penggunaan e-pembayaran bagi perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan. Manakala, penyertaan bagi kempen Cashless Boleh 3.0 dan 4.0 membabitkan 20 agensi Kerajaan Persekutuan dan lima kerajaan negeri yang berdaftar.

"Kempen Cashless Boleh adalah inisiatif yang mempunyai impak besar ke arah transformasi digitalisasi kewangan Malaysia, selain bertujuan untuk menaik taraf infrastruktur digital negara serta mencapai standard yang cemerlang di peringkat antarabangsa.

"Melalui peningkatan keselamatan dan kecekapan dalam transaksi kewangan, hasil daripada keberkesanan kempen ini, kita dapat memodenkan sektor awam bagi menyediakan perkhidmatan kerajaan yang lebih mudah, telus dan sistematik kepada seluruh rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian hadiah Kempen Pembayaran Tanpa Tunai - Cashless Boleh 4.0 dan peluncuran Cashless Boleh 5.0, di Putrajaya, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), Ramzi Mansor dan Pengerusi PayNet, Datuk Mohd Izzaddin Idris.

### Guna pembayaran elektronik

Cashless Boleh 4.0 yang berlangsung dari 1 Disember 2023 hingga 30 November 2024 menyaksikan penyertaan daripada 20 agensi Kerajaan Persekutuan dan badan berkanun, yang merekodkan sejumlah 138,817,425 transaksi pembayaran digital, mencapai kadar penembusan sebanyak 86 peratus.

Selain itu, 8 negeri turut menyertai kempen itu dan berjaya merekodkan 46,372,978 e-pembayaran, mewakili 92 peratus daripada 50,251,855 jumlah transaksi.

Kempen Cashless Boleh adalah kerjasama tahunan antara PayNet dan Kementerian Kewangan yang bertujuan mempercepat penerimaan pembayaran digital dalam sektor awam Malaysia dengan menggalakkan rakyat untuk menggunakan kaedah pembayaran elektronik seperti MyDebit, FPX, JomPAY, DirectDebit, dan DuitNow QR apabila berurusan dengan agensi kerajaan.

Hui Ying berkata, perkembangan pembayaran digital dalam sektor kewangan ini adalah seiring dengan transformasi digital kerajaan sebagaimana yang telah digariskan dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, atau pun lebih dikenali sebagai MyDIGITAL Economy Blueprint.

"MyDIGITAL adalah satu inisiatif yang melambangkan aspirasi kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi berpacukan pendigitalan dan sebagai peneraju serantau dalam ekonomi digital.

"Oleh itu, pelaksanaan pembayaran tanpa tunai adalah satu keperluan masa kini bagi meningkatkan keselamatan, kecekapan dan kebolehcapaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh kerajaan; sekali gus dapat memudah dan membantu rakyat membuat transaksi dengan lebih pantas dan selamat, sama ada di peringkat domestik mahupun global," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 16 JAN 2025

# Gaji meningkat, OPR stabil rangsang sektor hartanah

**Nilai transaksi melonjak kepada RM105.65 bilion separuh pertama tahun lalu**

BH 16/1

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my



*Faktor kemampuan membeli dalam kalangan pembeli rumah masih menjadi isu utama.* (Foto hiasan)

**Peningkatan** gaji penjawat awam, pelaksanaan gaji minimum lebih tinggi, Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang stabil pada 3.0 peratus dan kadar faedah pinjaman yang rendah di Malaysia akan memberikan impak positif kepada sektor hartanah tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Hong Leong Investment Bank (HLIB), Lee Jim Leng, berkata ini menjadikan pemilikan hartanah lebih mampu milik bagi mereka yang ingin melabur dalam masa terdekat, memandangkan faktor kemampuan membeli dalam kalangan pembeli rumah masih menjadi isu utama.

"Pandangan optimis terhadap sektor ini turut disokong oleh inisiatif kerajaan yang digariskan dalam Belanjawan 2025. Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) mengumumkan pelepasan cukai sehingga RM7,000 untuk pembeli rumah kali pertama.

"Kadar pertumbuhan pekerjaan yang stabil dan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang diunjurkan pada 4.9 peratus untuk tahun ini (menurut unjuran HLIB) dan ekonomi kekal kukuh menyediakan persekitaran yang sesuai untuk pertumbuhan berterusan dalam sektor hartanah," katanya kepada media selepas Forum Bursa Malaysia-HLIB Stratum Series bertajuk 'Sektor Hartanah: Memasuki Kitaran Baharu?' di Kuala Lumpur, semalam.

Berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), nilai transaksi hartanah Malaysia melonjak kepada RM105.65 bilion dalam separuh pertama 2024.

Ini mencatatkan pertumbuhan mengagumkan sebanyak 23.8 peratus berbanding tahun sebelumnya, yang tertinggi dalam tempoh lima tahun.

## Cabaran industri

Selain itu, Indeks Hartanah Kuala Lumpur dijangka meningkat sebanyak 31.17 peratus pada 2024, manakala isu lambakan rumah tidak terjual juga semakin baik dengan pengurangan sebanyak 12.3 peratus.

Mengulas lanjut, Jim Leng berkata, di sebalik pandangan optimis ini, cabaran tetap wujud dalam sektor hartanah.

Beliau berkata, isu kemampuan membeli, tekanan inflasi dan ketidaktentuan global masih memerlukan perhatian semua pihak.

Katanya, pasaran hartanah sering digunakan sebagai penanda aras kestabilan ekonomi sesebuah negara kerana ia mencerminkan kuasa beli, kadar inflasi dan kadar urbanisasi sesebuah negara.

Menurutnya, di Amerika Syarikat (AS), ahli ekonomi menggunakan Indeks Harga Rumah S&P CoreLogic Case-Shiller untuk menilai trend harga rumah di bandar utama, yang kemudian digunakan untuk mengukur kesihatan pasaran hartanah negara itu.

"Pasaran hartanah juga adalah tunjang penting dalam ekonomi global. Ini terbukti dengan jelas ketika Krisis Kewangan 2008, apabila gelembung pasaran perumahan di AS pecah, menyebabkan kejatuhan mendadak harga rumah, peningkatan penyitaan hartanah dan krisis kewangan global.

"Oleh itu, sektor hartanah bukan hanya mengenai membina rumah, ia turut menjadi asas kepada ekonomi yang rancak, merangsang pembangunan bandar dan pertumbuhan ekonomi yang pesat," katanya.

Pengarah Eksekutif Knight Frank Malaysia, Amy Wong, juga berpandangan bahawa pasaran hartanah Malaysia kekal berdaya tahan dan bersedia untuk pertumbuhan jangka panjang pada 2025.

"Daya tahan itu disebabkan lokasi strategik Malaysia, kepelbagaian budaya dan dasar kerajaan yang menyokong akan terus menarik minat pelabur serta pemilik rumah," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 16 JAN 2025

# Permintaan rumah mampu milik meningkat

**Titijaya Land Bhd** (Titijaya) melihat peningkatan permintaan terhadap projek pembangunan berorientasikan transit (TOD) dan hartanah mampu milik berharga antara RM300,000 hingga RM500,000.

Permintaan itu adalah respons kepada kebimbangan mengenai inflasi dan kos sara hidup yang tinggi.

Pengarah Urusan Kumpulan Titijaya, Datuk Lim Poh Yit, berkata pembeli kini lebih berhati-hati dalam berbelanja, berikutan kebimbangan mengenai kenaikan inflasi, rasionalisasi subsidi dan kemungkinan kenaikan kadar faedah pada 2025.

"Hartanah berharga antara RM500,000 hingga RM700,000 yang dahulunya menjadi pilihan kini beralih kepada unit sekitar RM300,000 dan menjelang tahun ini kami melihat permintaan terhadap projek TOD semakin meningkat, terutama dalam kalangan generasi muda pekerja bandar.

"Projek TOD yang direka dengan baik menawarkan gabungan pengalaman kehidupan dan pekerjaan bandar yang popular di bandar utama seperti Jepun, Hong Kong dan Singapura.

"Kami juga melihat gelombang pembangunan infrastruktur pengangkutan awam seperti Projek Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT) Fasa Kedua, Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Laluan Lingkaran MRT3, LRT3 dan Projek Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura turut memberikan dorongan kepada segmen TOD," katanya dalam satu kenyataan.



*Lim Poh Yit*

Poh Yit berkata, konsep TOD juga seiring dengan komitmen syarikat terhadap alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam portfolio pembangunan.

"Dengan menumpukan pejabat, runcit dan kediaman dalam kawasan berhampiran stesen transit, projek TOD meningkatkan tarikan dan kecekapan pengangkutan awam, mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian dan mempromosikan perjalanan yang lebih singkat seterusnya meningkatkan produktiviti serta mengurangkan jejak karbon.

"Menjangka trend ini, pada 2019 kami melancarkan Riveria City, pembangunan TOD utama di KL Sentral di mana fasa pertama Riveria City, The Riv siap sepenuhnya dan terjual. Kini, kami melancarkan fasa kedua, The Ria, untuk memenuhi permintaan projek TOD yang semakin meningkat," katanya.

Beliau berkata, Riveria City adalah pembangunan bernilai RM1.5 bilion dengan jarak hanya 100 meter dari stesen monorel Tun Sambanthan serta berhampiran hab pengangkutan KL Sentral.

Katanya, projek yang dibangunkan bersama Titijaya dan Prasarana Integrated Development Sdn Bhd, Riveria City bakal menjadi mercu tanda pembangunan bersepadu yang menggabungkan ruang runcit tepi sungai, pejabat moden, dan apartmen servis mewah.

BERITA HARIAN
Tarikh 16 JAN 2025

# Cuba sogok polis RM100, buruh Indonesia disiasat

UM 16/1

**SHAH ALAM:** Akibat tiada lesen memandu dan didakwa cuba menyogok seorang anggota polis dengan RM100, seorang buruh warga Indonesia disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM).

Menurut sumber, lelaki terbabit ditahan di pejabat SPRM pada pukul 12 tengah hari semalam selepas cuba memberi wang rasuah kepada anggota polis ketika ditahan kerana tidak mempunyai lesen memandu.

Katanya, buruh berkenaan diperiksa oleh polis pada 13 Januari lalu kira-kira pukul 11.33 pagi dekat jalan Bestari Jaya, Ijok berhadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Muda Bestari Jaya, sebelum ditahan SPRM Cawangan Kuala Selangor.

"Lelaki itu memberikan wang rasuah berjumlah RM100.00 kepada anggota polis sebagai dorongan untuk tidak diambil tindakan atas kesalahan tiada lesen memandu di bawah Seksyen 26(1).

"Dia turut dikenakan tindakan kerana lesen kenderaan motor tamat tempoh di bawah Seksyen 15(1) A Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.

# Pengarah IT tak mengaku terima RM3,500

UM 16/1

**SHAH ALAM:** Seorang pengarah jabatan di sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menerima wang tunai RM3,500 enam tahun lalu.

Pengakuan itu dibuat tertuduh, Nor Hasyimah Tamziz selepas mendengar dan memahami pertuduhan yang dibacakan ke atasnya di hadapan Hakim, Datuk Mohd. Nasir Nordin.

Berdasarkan pertuduhan Nor Hasyimah, 50, sebagai Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat Gred F48 di Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) didakwa menerima wang berjumlah RM3,500 tanpa balasan daripada seorang kontraktor.

Wang tersebut dikatakan mempunyai kaitan dengan tugas rasminya bagi kerja-kerja pentauliahan dan penaiktarafan infrastruktur sistem rangkaian komputer di pejabat cawangan MBDK.

Kesalahan itu dilakukan pada 9 Mei 2019 dekat sebuah cawangan bank di Kompleks Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Kapar. Justeru, dia dituduh di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga tahun, denda atau kedua-duanya.

Hakim kemudian memutuskan jumlah jaminan sebanyak RM8,000 dengan seorang penjamin serta lapor di pejabat SPRM berdekatan dan menetapkan sebutan semula kes pada 5 Mei depan.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 16 JAN 2025



ORANG ramai perlu mematuhi peraturan parkir agar jalan raya kekal boleh diakses, selamat dan efisien.

# Atasi masalah letak kereta 'merata'

UM 16/1

**KEADAAN** parkir kenderaan yang tidak teratur boleh mengganggu kelancaran lalu lintas di tempat awam. Contohnya jalan raya di hadapan masjid dan pasar awam. Situasi ini boleh menimbulkan konflik antara pemandu dan dan pengguna lain gara-gara pengguna tidak patuh peraturan parkir hingga mengganggu orang lain.

Pergaduhan sering terjadi, terutama di kawasan bandar yang padat dengan kenderaan akibat kekurangan ruang parkir atau sikap tidak bertanggungjawab individu tertentu. Dalam hal ini, pergaduhan parkir juga boleh tercetus disebabkan oleh sikap pengguna yang pentingkan diri sendiri seperti menghalang laluan keluar atau berebut tempat parkir.

Antara faktor yang menyumbang kepada pergaduhan termasuk parkir berganda atau menghalang kenderaan lain. Ia juga boleh meningkatkan risiko kemalangan sekiranya menghalang kenderaan lain dan ketidakselesaan pejalan kaki apabila laluan kaki lima dihalang.

Oleh itu, penguatkuasaan lebih ketat diperlukan melalui rondaan berkala atau berfokus, menggunakan teknologi seperti kamera litar tertutup (CCTV) atau alat pengesan bagi mengesan dan merekod pelanggaran parkir, terutamanya di kawasan yang sering berlaku kesalahan.

Begitu juga dengan mengeluarkan saman dan denda segera dengan jumlah yang lebih tinggi. Ini memberikan tekanan kewangan kepada pesalah dan berhati-hati terhadap pelanggaran peraturan pada masa hadapan.

Menunda dan menyita kenderaan juga boleh dilakukan sebagai pengajaran kerana ia melibatkan halangan lokasi kritikal yang boleh menyebabkan gangguan serius.

Dalam pada itu, pihak berkuasa penguatkuasaan boleh menyediakan sistem yang membolehkan orang awam melaporkan halangan atau pelanggaran parkir. Aplikasi mudah alih atau talian *hotline* boleh memberikan maklumat masa nyata, membantu pegawai bertindak balas dengan lebih cepat di kawasan yang bermasalah.

Bukan itu sahaja, ia memerlukan kerjasama pelbagai pihak seperti komuniti, pihak berkuasa, sekolah serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memainkan peranan penting dalam memastikan peraturan parkir dipatuhi agar jalan raya kekal boleh diakses, selamat dan efisien.

Melalui gabungan penguatkuasaan, pendidikan awam, teknologi, dan pengurusan polisi, diyakini pihak berkuasa boleh mengurangkan masalah parkir tidak berdisiplin dengan ketara.

**NUR HANIM**
Dengkil, Selangor

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 16 JAN 2025

# Larangan rokok di tempat kerja boleh tingkat produktiviti

**PERSATUAN** Pengguna Pulau Pinang (CAP) mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana berjaya memperluaskan kawasan larangan merokok di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Kesihatan Awam 2024. Melalui akta ini bermakna semua bangunan premis tempat kerja dikategorikan sebagai salah satu kawasan larangan merokok.

Tindakan kerajaan memperkenalkan larangan ini adalah satu inisiatif yang sangat progresif kerana ia melindungi kepentingan majoriti rakyat daripada ancaman asap rokok yang berbahaya.

Asap rokok, termasuk asap terpakai, adalah salah satu bahan pencemar udara yang paling berbahaya dan boleh mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan.

Kajian menunjukkan bahawa pendedahan kepada asap rokok boleh menyebabkan pelbagai penyakit serius seperti kanser paru-paru, penyakit jantung dan asma.

Bahkan melalui akta ini juga membolehkan hak bukan perokok untuk menikmati persekitaran yang bebas daripada bahan berbahaya ini dihormati.

Sebelum ini, pekerja dan pelanggan yang memasuki tempat kerja selalunya tiada pilihan selain menghirup udara tercemar jika larangan merokok tidak dikuatkuasakan.

Sehubungan itu, larangan merokok bukan sekadar langkah kesihatan awam, malah usaha memberi kebebasan kepada setiap individu untuk menikmati persekitaran yang bebas daripada ancaman kesihatan.

Pelaksanaan ini di tempat kerja juga bukan sahaja melindungi kesihatan pekerja daripada risiko penyakit akibat terdedah kepada asap rokok, malah meningkatkan produktiviti pekerja.

Kita boleh mengambil contoh yang berjaya apabila mewujudkan larangan merokok di premis makanan dan bagaimana langkah ini memberi manfaat kepada kesihatan awam.

> "Pelaksanaan larangan merokok di tempat kerja juga bukan sahaja melindungi kesihatan pekerja daripada risiko penyakit akibat terdedah kepada asap rokok, malah meningkatkan produktiviti pekerja."

Selepas larangan ke atas premis makanan dikuatkuasakan, pelanggan boleh menikmati kualiti udara jauh lebih baik dan pengalaman menjamu selera yang lebih selesa.

Selain itu, larangan itu juga meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kesan bahaya merokok, sekali gus menggalakkan lebih ramai individu berhenti merokok.

Dari sudut pandangan CAP, larangan merokok di tempat kerja, baik di sektor kerajaan mahupun swasta, merupakan langkah progresif yang perlu disokong sepenuhnya.

Ia memastikan hak pengguna untuk menikmati persekitaran yang bebas daripada pencemaran asap rokok, melindungi kesihatan pekerja dan pelanggan serta mencerminkan tanggungjawab sosial majikan.

Dengan penguatkuasaan yang ketat dan sokongan daripada semua pihak, larangan ini boleh menjadi titik perubahan utama dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

**NV SUBBAROW**
Pegawai Pendidikan dan Aktivis Anti Rokok
Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)




**KEJAYAAN program** larangan merokok di premis makanan yang memberi manfaat kepada kesihatan awam boleh dijadikan contoh bagi Akta Kawalan Produk Merokok Kesihatan Awam 2024 dilaksanakan di tempat kerja.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 16 JAN 2025

# MACC, FBI collaborate to fight corruption

**KUALA LUMPUR:** The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) and the US Federal Bureau of Investigation (FBI) will increase cooperation to address challenges in combating corruption at regional and international levels.

In a post on MACC'S Facebook page, FBI legal attache Jagdeep Khangura lauded the collaboration discussed during a courtesy visit to MACC chief commissioner Tan Sri Azam Baki in Putrajaya on Tuesday.

The meeting, which lasted about an hour, focused on intelligence and investigation cooperation in high profile cases involving Malaysia and the United States.

Azam said MACC was ready to provide cooperation to the FBI in fighting corruption.

"The strength and closeness of the relationship between MACC and FBI is clearly demonstrated through the asset recovery achievements, especially from cases related to 1Malaysia Development Berhad." – Bernama

THE SUN
Tarikh: 16 JAN 2025